



KENYATAAN TAWARAN TENDER
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai tender berikut :-

BIL.	NO. / TAJUK TENDER	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT / HARGA DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	PKPMP(02)(T)14/2017 Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Kerja Operasi Secara Komprehensif Di Kediaman Rasmi Ketua Hakim Negara , Presint 16, Putrajaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G4 Kategori B, CE & ME, Pengkhususan B24, C32, M15 Dan E11	3 Oktober 2017 (Selasa) hingga 12 Oktober 2017 (Khamis) (Waktu Pejabat) Bertempat di : Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Seksyen Pembangunan, Bahagian Pengurusan Aras 3, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA (Petender juga boleh membeli dokumen tawaran semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada 3 Oktober 2017)	3 Oktober 2017 (Selasa) 10.00 pagi (DIWAJIBKAN) Bertempat di : Kediaman Rasmi, Ketua Hakim Negara, Presint 16, Putrajaya Dokumen Tender RM50.00 senaskah	24 Oktober 2017 (Selasa) 12.00 tengahari Bertempat di : Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Bahagian Pengurusan Aras 3, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA

- Petender adalah **DIWAJIBKAN** menyertai lawatan tapak/taklimat yang akan diadakan pada **3 Oktober 2017 (Selasa)** bertempat di Kediaman Rasmi Ketua Hakim Negara, Presint 16, Putrajaya. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak **TIDAK LAYAK** untuk menyertai tender. Paparan iklan boleh dilihat di **Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar** dan **MYPROCUREMENT**.
- Individu yang menghadiri taklimat/lawatan tapak **hendaklah** terdiri **daripada penama** sepertimana tercatat di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya **penama** di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja. Maksimum **dua (2) orang** wakil bagi setiap syarikat.
- Dokumen tender boleh disemak/dibeli di Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Seksyen Pembangunan, Bahagian Pengurusan Aras 3, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 **PUTRAJAYA** pada waktu pejabat bermula pada **3 Oktober 2017 (Selasa) hingga 12 Oktober 2017 (Khamis)** dengan membawa bersama sijil CIDB. Salinan sijil CIDB tidak akan dipulangkan. **(Petender juga boleh membeli dokumen tawaran semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada 3 Oktober 2017)**
- Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang atas nama **Akauntan Negara Malaysia**. Bayaran tersebut hendaklah dibuat **di Kaunter Setempat, Aras 1, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA**.
- Dokumen Tender **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender** pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **pada atau sebelum 12.00 tengahari 24 Oktober (Selasa)**, di alamat:

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Bahagian Pengurusan, Aras 3
Istana Kehakiman, Presint 3
62506 PUTRAJAYA.

- Petender yang lewat menghantar dokumen manual seperti mana arahan Tender tidak akan dipertimbangkan.
- Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Tender dengan harga yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tender. Keputusan Lembaga Perolehan Tender adalah muktamad.